

**Sekolah-Sekolah Tamil Bergerak Ke Depan Dalam Membentuk Pelajar Berkualiti
Bernama
10 Mei, 2012
Oleh Kisho Kumari Sucedaram**

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Dengan peruntukan RM440 juta kepada komuniti India terutama bagi pembinaan semula sekolah-sekolah Tamil, kini sudah tiba masanya mereka bergerak ke depan dalam membentuk pelajar-pelajar berkualiti bagi menyediakan mereka sebagai modal insan negara setanding dengan rakyat Malaysia yang lain.

Rungutan berterusan berhubung isu kekurangan infrastruktur dan kemudahan sekolah perlu dihentikan kerana ia hanya mengalih perhatian mereka daripada perjuangan sebenar ke arah menyumbang kepada usaha meningkatkan pencapaian pelajar, kata seorang pemimpin komuniti itu.

Sejak tiga tahun lalu, kerajaan memperuntukkan RM440 juta bagi membiayai program pembangunan dan melaksanakan projek menaiktaraf sekolah kebangsaan Tamil sejak Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri pada 2009.

Presiden Yayasan Tamil Malaysia S. Pasupathy berkata fokus perlu ditumpukan mengenai cara terbaik untuk memenuhi keperluan akademik para pelajar dan meneliti perisian yang menghalang pembangunan kualiti pelajar.

"Kerajaan kita membelanjakan begitu banyak ke atas infrastruktur dan kita tidak boleh terus bersungut bahawa ia masih kurang. Kita mungkin tidak mempunyai sekolah-sekolah lima bintang tetapi dengan dua atau tiga bintang, kita boleh maju ke hadapan bagi menghasilkan pelajar berkualiti," katanya dalam satu temu bual dengan Bernama baru-baru ini.

Beliau berkata kaum India perlu meneruskan kehidupan, daripada terlalu banyak bersentimental mengenai bahasa ibunda dan perlu menonjolkan sekolah-sekolah Tamil sebagai sekolah yang mempunyai kualiti dalam pendidikan, setanding dengan sekolah-sekolah kebangsaan dan Cina.

Pasupathy berkata halangan utama yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sekolah Tamil adalah kelemahan menguasai Bahasa Malaysia, satu subjek di mana hanya 30 peratus daripada mereka mendapat markah lulus.

Pada masa ini, subjek itu diajar selama 16 jam sebulan di sekolah-sekolah Tamil bagi meningkatkan penguasaan bahasa dan seterusnya mengurangkan bilangan pelajar yang perlu menghadiri kelas peralihan.

"Kami percaya Bahasa Malaysia mesti diajar oleh guru-guru yang fasih dalam Bahasa Melayu dan Tamil supaya komunikasi dengan pelajar-pelajar akan menjadi lebih mudah," katanya.

Dengan mengambil kira keadaan ini, Najib mencadangkan bahawa satu persidangan khas diadakan bagi membincang dan merumuskan satu hala tuju bagi masa depan sekolah-sekolah Tamil di negara ini.

Perdana Menteri berkata isu-isu termasuk relevannya kelas-kelas peralihan bagi sekolah-sekolah Tamil, kekurangan guru berijazah dan kekangan ruang perlu diberi perhatian.

Setakat ini, terdapat 523 sekolah Tamil di negara ini yang terdiri daripada 152 sekolah bantuan penuh kerajaan dan 372 yang dibantu sebahagiannya dengan jumlah pengambilan kira-kira 103,000 pelajar.

Sambil menambah mengenai isu guru-guru berkualiti, Pasupathy berkata kekurangan guru-guru terlatih di sekolah-sekolah Tamil merupakan masalah yang tidak pernah berkesudahan di mana hanya kira-kira 20 peratus daripada 9,200 merupakan guru berijazah.

"Kerajaan boleh menimbangkan penubuhan sebuah Institut Latihan Guru Tamil sebagai sebuah perkongsian awam dan swasta di bawah Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama Negara (NKEA) mengenai pendidikan," katanya.

Sambil menekankan mengenai nisbah terbaik untuk dicapai adalah seorang guru bagi setiap 30 pelajar, beliau berkata institut itu perlu menyediakan kedua-dua latihan bagi guru pra dan guru dalam perkhidmatan sebagai satu daripada keperluan kementerian.

Bagaimanapun, beliau menegaskan dengan mempunyai guru-guru yang mencukupi sahaja tidak memadai tanpa pemantauan ketat mengenai kualiti mereka dan mencadangkan supaya kementerian melaksanakan satu bentuk pemantauan.

Pasupathy berkata dalam usaha menyediakan lebih banyak bilik untuk SJKT, kerajaan baru-baru ini bersetuju untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah Tamil, tiga di Selangor dan masing-masing satu di Johor dan Kedah.

Satu daripada sekolah Tamil yang baru di Selangor terletak di Taman Mahkota Cheras.

Usaha berterusan yang diambil kerajaan sejak 2009 sebenarnya telah membawa kejayaan yang ketara bagi sekolah-sekolah Tamil dengan 15 sekolah mencatat keputusan 100 peratus lulus dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) antara 2010 dan 2011.

Antara sekolah-sekolah cemerlang adalah dari Johor (lima), Selangor (empat), Perak (tiga) dan masing-masing satu di Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

"Kini suasana yang kondusif dan baik telah membawa kepada prestasi positif di kalangan pelajar, marilah kita bergerak ke hadapan bagi meningkatkan lagi kualiti pendidikan sekolah Tamil setanding dengan sekolah kebangsaan dan Cina yang lain," katanya.

Pasupathy menggesa semua yayasan dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) Tamil supaya bekerjasama dalam membantu meningkatkan standard sekolah-sekolah Tamil agar generasi masa depan kaum Tamil boleh memberi sumbangan yang lebih kepada negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665037>